SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA **2 NOVEMBER 2026**
TM. 285/2026

MINI KARNIVAL UPIN & IPIN: TOURISM MALAYSIA DAN LES' COPAQUE PERKUKUH PROMOSI PELANCONGAN KELUARGA

Maskot rasmi Tourism Malaysia, Wira dan Manja, bersama Upin dan Ipin, mengapit Asyiela Putri (pelakon suara Upin & Ipin) dan Muhammad Fareez Daniel (pelakon suara Ehsan) pada Mini Karnival Upin & Ipin Bersama Tourism Malaysia 2026.

PETALING JAYA – Tourism Malaysia dengan kerjasama Les' Copaque Production Sdn. Bhd. telah menganjurkan Mini Karnival Upin & Ipin Bersama Tourism Malaysia dari 30 Oktober hingga 1 November 2026 di IOI Mall Damansara. Penganjuran ini merupakan antara usaha Tourism Malaysia untuk memperluas promosi pelancongan berasaskan keluarga serta meningkatkan capaian Kempen Melawat Malaysia 2026–2027 (VM2026-2027) kepada pasaran domestik dan serantau.

Sepanjang tiga hari penganjuran dengan anggaran kehadiran sekitar 30,000 orang, Tourism Malaysia telah mempromosikan produk dan pakej pelancongan tempatan menerusi reruai Tourism Malaysia dengan penglibatan syarikat pengusaha pelancongan termasuk Pulse Group Putrajaya, Skyline Luge Kuala Lumpur dan Canopy Villa Group. Karnival ini turut menyediakan pelbagai aktiviti interaktif bersama pengunjung selain menampilkan watak-watak daripada siri Upin & Ipin serta maskot Kempen Melawat Malaysia 2026-2027, Wira dan Manja.

Kerjasama antara Tourism Malaysia dan Les' Copaque ini memanfaatkan kekuatan jenama Upin & Ipin yang mempunyai capaian luas di pasaran domestik dan antarabangsa

terutamanya di rantau Asia Tenggara serta negara jiran seperti Brunei, Indonesia serta Singapura. Inisiatif ini mencerminkan pendekatan kreatif dalam memanfaatkan kekuatan harta intelek tempatan bagi mempromosikan kepelbagaian pengalaman pelancongan di Malaysia, khususnya kepada segmen keluarga dan generasi muda. Usaha ini sekali gus memperkukuh keterlihatan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra keluarga.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor pelancongan domestik negara terus mencatatkan pertumbuhan positif, selari dengan usaha mengetengahkan aspirasi "Yang Indah, Destinasi Kita". Bagi separuh pertama tahun 2026, Malaysia merekodkan 151.6 juta pelawat domestik, meningkat 5.6 peratus berbanding 143.5 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2025. Jumlah perbelanjaan pelancongan domestik turut meningkat 14 peratus kepada RM66.8 bilion, berbanding RM58.6 bilion pada tahun sebelumnya.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, Malaysia turut merekodkan ketibaan seramai 32.3 juta pelawat antarabangsa, peningkatan sebanyak 2.4 peratus berbanding 31.5 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2025. Prestasi positif sektor domestik dan antarabangsa ini terus memacu perkembangan industri pelancongan Malaysia.

Seiring dengan pelaksanaan Kempen Melawat Malaysia 2026-2027 (VM2026–2027), Tourism Malaysia akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan pemain industri dan rakan kreatif tempatan bagi memperluas capaian promosi serta meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada kit media yang disediakan :

https://drive.google.com/drive/folders/1Qhib-HirINu3ZhKgOEOnRV2VVRcXsOP2?usp=drive_link

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang kepada komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di Facebook, Instagram, X, YouTube dan TikTok.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Emylia Md. Shahir
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengiklanan dan Digital
emylia@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8704

Norshariza binti Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

Caption:

“Maskot rasmi Tourism Malaysia, Wira dan Manja, bersama Upin dan Ipin, mengapit Asyiela Putri Binti Azhar (pelakon suara Upin & Ipin) dan Muhammad Fareez Daniel bin Sharabuddin (pelakon suara Ehsan) pada Mini Karnival Upin & Ipin Bersama Tourism Malaysia 2026.”